

11 APR 1998

JAMBATAN LALUAN KEDUA M'SIA-S'PURA DITUTUP 18 APRIL UNTUK PERASMIAN

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Jambatan laluan kedua yang menghubungkan Gelang Patah di Johor dan Tuas di Singapura akan ditutup secara berperingkat selama seminggu mulai Isnin ini bagi persiapan perasmian jambatan itu pada 18 April.

Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Kerja Raya, Aziman Hassan berkata sebahagian lorong jambatan itu akan ditutup bermula Isnin dari 1 tengah hari hingga 6 pagi keesokan harinya.

Beliau berkata pada hari perasmian, keseluruhan jambatan akan ditutup bermula 6 pagi hingga 2 petang.

Perasmian jambatan laluan kedua Malaysia-Singapura itu akan dilakukan bersama oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri republik itu Goh Chok Tong, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata setelah selesai upacara perasmian nanti, hanya sebahagian sahaja lorong jambatan akan dibuka mulai 2 petang hingga 3 petang keesokan harinya sebelum dibuka sepenuhnya seperti biasa.

Katanya, kementerian memohon maaf kepada semua pengguna atas kesulitan dan semua pemandu kenderaan dinasihati berhati-hati ketika melalui laluan kedua itu serta mematuhi papan tunjuk arah yang disediakan.

Pertanyaan mengenai penutupan jambatan itu boleh dibuat kepada Pusat Komunikasi Link dengan menelefon 07- 2788000. -- BERNAMA

AKT HT FAZ